



## 537 mangsa banjir di Pahang dipindahkan ke pusat pemindahan

Oleh: [RoselanAb Malek](#) - Disember 11, 2022 @ 10:43am  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

JERANTUT: Hujan lebat berterusan sejak semalam mengakibatkan lima daerah di Pahang dilanda banjir dengan lapan pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka bagi menempatkan 537 mangsa daripada 160 keluarga setakat 8 pagi.

Jerantut dan Raub, dua daerah terbaharu yang dilanda banjir di negeri itu.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Pahang, Kolonel (PA) Che AdamA Rahman, berkata Temerloh mencatatkan jumlah tertinggi mangsa apabila seramai 380 mangsa daripada 119 keluarga dipindahkan di PPS Seri Semantan.

"Lipis pula mencatatkan jumlah mangsa seramai 79 orang daripada 26 keluarga di dua PPS iaitu di PPS SK Lubuk Kulit dan PPS Masjid Beletik.

"Di Jerantut, dua PPS dibuka untuk menempatkan 34 mangsa daripada 10 keluarga," katanya.

Beliau berkata, di Bera, seramai 34 mangsa daripada 20 keluarga dipindahkan di dua PPS manakala di Raub 19 mangsa daripada empat keluarga dipindahkan di PPS.

Pada masa sama, Jabatan Saliran dan Pengairan (JPS) mencatatkan dua sungai kini berada dalam paras bahaya iaitu Sungai Lipis di Batu Malim, Raub iaitu paras 115.25 meter dan Sungai Triang, Bera pada paras 34.78 meter.

Tiga sungai lagi berada dalam keadaan amaran iaitu Sungai Luit di Kampung Subuh, Maran, Sungai Belat di Sri Damai, Kuantan dan Sungai Serting di Jambatan Padang Gudang, Bera.

Empat sungai berada pada paras waspada iaitu Sungai Jelai di Lipis, Sungai Dong di Kampung Perluas, Raub, Sungai Semantan di Mentakab, Temerloh dan Sungai Pahang di Lubuk Paku, Maran.



Keadaan banjir di Kampung Gudang Rasau, Kuantan. - Foto NSTP/Asrol Awang